

22 APR 1998

MAHATHIR BERLEPAS UNTUK LAWATAN KERJA KE HAADYAI

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas dari sini untuk melakukan lawatan kerja ke Haadyai petang ini.

Beliau diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa pegawai kanan kerajaan.

Semasa di sana Dr Mahathir akan menyaksikan upacara bersejarah apabila dua perjanjian bagi penjualan gas asli dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand ditandatangani.

Perdana Menteri Thai, Chuan Leekpai akan turut menyaksikan upacara itu yang berlangsung di Jen Prem Tinsulanond Park, Songkhla.

Perjanjian itu akan ditandatangani antara pembeli gas asli itu, Petronas dari Malaysia dan Lembaga Petroleum Thailand, dengan penjualnya yang terdiri daripada Lembaga Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) dan kontraktornya.

Perjanjian pertama ialah bagi pembelian 390 juta kaki padu gas asli sehari dari Block B-18 untuk 20 tahun. Gas dari kawasan itu dijangka mula dikeluarkan dalam separuh tahun pertama tahun 2001.

Perjanjian kedua ialah bagi pembelian 250 juta kaki padu gas asli sehari bagi tempoh 16 tahun dari Block B-17 dan C-19 yang akan mula dikeluarkan dalam suku tahun ketiga tahun 2002.

Dr Mahathir juga dijadual mengadakan mesyuarat dua hala dengan Chuan di samping menghadiri majlis makan malam yang diadakan oleh Chuan, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini.

Ini merupakan lawatan kedua Dr Mahathir ke Thailand tahun ini selepas lawatan kerja dua hari ke Bangkok pada 5 dan 6 Feb lepas.

-- BERNAMA

AH NMO